



# KURSUS BINA NEGARA MAHASISWA UniMAP

*Oleh : Aizatul Akma Wani Aniffin*

**Pada bulan 6~9 Mac** yang lepas, Unit Latihan & Pembangunan Pelajar telah bekerjasama dengan BTN Negeri Perlis mengadakan kursus bina negara kepada mahasiswa UniMAP yang dijalankan di Pusat Latihan Naka, Kedah. Kursus ini dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan cetusan idea dan mencungkil bakat kepimpinan para peserta serta meningkatkan semangat patriotisme di kalangan peserta. Antara slot yang terkandung sepanjang kursus ini adalah melihat bagaimana bakal pemimpin meletakkan pertimbangan moral dan pemikiran rasional dalam membuat keputusan yang melibatkan kontigensi ; memberi penekanan kepada konsep hak rakyat peribumi ; melihat persepsi generasi kini terhadap negara sendiri dengan persoalan apakah teras pemikiran mereka, sama ada melupakan ketuanan bangsa atau mahukan hak sama rata ; dan menanamkan semangat perpaduan antara kaum yang berpaksikan Melayu sebagai ketua.

Secara keseluruhannya, pengisian kursus ini telah berjaya meningkatkan semangat patriotisme di kalangan pelajar Melayu supaya sedar dengan situasi negara yang sedang dihadapi serta memenuhi hasrat pengurusan yang mahu melahirkan bakal-bakal calon PPMS Tahun 2009 yang selari dengan kehendak universiti, iaitu memperjuangkan dasar kerajaan Malaysia kini.